




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT

POS PEMERIKSAAN DI POS KAWALAN IMIGRESEN DAN KASTAM, SUNGAI TUJOH


1

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK):

 Pada masa ini, terdapat **empat belas (14)** kaunter pemeriksaan imigresen bagi keluar dan masuk bagi kategori kenderaan biasa, komersial bas dan juga pejalan kaki di **pos kawalan Imigresen Sungai Tujoh**.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):

 **Pemantauan pergerakan dan pemeriksaan kenderaan, orang serta barang-barang** yang dibawa melalui pos-pos kawalan darat dilaksanakan oleh pihak JKED dengan kerjasama daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang berkenaan.

 **Secara minimum, sebanyak dua (2) buah kaunter pemeriksaan akan dibuka di bahagian masuk dan keluar.** Walau bagaimanapun, Jabatan Immigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan sentiasa bersedia untuk membuka kaunter pemeriksaan tambahan tertakluk kepada keperluan dan keadaan semasa.




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT

POS PEMERIKSAAN DI POS KAWALAN IMIGRESEN DAN KASTAM (sambungan)

2

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):



Bagi membantu orang ramai yang belum mendaftar terlebih awal atau kurang berkemahiran untuk membuat **pendaftaran, permohonan dan pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) berjumlah BND3 setiap seorang bagi satu hala perjalanan melalui *Exit and Entry System (EES)***, pihak JKED telah menyediakan beberapa kaunter kiosk di setiap pos-pos kawalan darat dan bersedia untuk memberikan bantuan jika diperlukan.



Selain daripada itu, orang ramai yang memerlukan **bantuan khusus** untuk mempelajari lebih lanjut mengenai penggunaan EES adalah dialu-alukan untuk hadir ke:

- **Kaunter Unit Perkhidmatan Pelanggan**
- **Ibu Pejabat, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar**
- Hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu
- Jam 8 pagi hingga 11:30 pagi dan 1:30 petang hingga 3:30 petang.




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT

TATACARA BAGI PEJALAN KAKI DAN PARA PENUMPANG BAS


Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK):

3



Para penumpang bas dan pejalan kaki diperlukan untuk **melaporkan diri di Kaunter Pemeriksaan Imigresen di Terminal Bas** di pos kawalan yang ditetapkan. Penumpang-penumpang bas dikehendaki untuk **turun bagi proses pemeriksaan imigresen**.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):



Semua individu termasuk pejalan kaki dinasihatkan untuk membuat **pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP)** dan **mendapatkan Kod QR EES** sebelum membuat perjalanan.



Manakala bagi penumpang bas pula, ianya adalah menjadi tanggungjawab pengendali dan pemandu bas berkenaan untuk **mendaftarkan dan memastikan semua penumpang yang ikut serta di dalam bas telahpun membuat pembayaran CaP**.




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT

TATACARA BAGI PEJALAN KAKI DAN PARA PENUMPANG BAS

(sambungan)

4

Jabatan Pengangkutan Darat (JPD):



Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) hanya mengawal **pengeluaran permit bagi kenderaan bas** yang hendak keluar/masuk Negara Brunei Darussalam.



Mana-mana bas yang mempunyai **permit yang sah saja** dibolehkan untuk keluar/masuk Negara Brunei Darussalam. Bas operator yang memasuki Negara Brunei Darussalam hendaklah melapor ke Pos Kawalan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT


KADAR CUKAI DAN TATACARA PEMBAYARAN DI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA

5

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):



Barang-barang yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam sebahagiannya akan dikenakan cukai berdasarkan kepada **Brunei Darussalam Tariff and Trade Classification (BDTTC) 2017** yang telahpun berkuatkuasa sejak 1 April 2017.



Pembayaran cukai bolehlah dibuat di:

Kaunter pembayaran: Mana-mana cawangan pos kawalan

Cara pembayaran: Kad debit atau kredit dan wang tunai




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT

KADAR CUKAI DAN TATACARA PEMBAYARAN DI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA (Sambungan)

6

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):



Selain daripada itu, terdapat juga barang yang memerlukan **kebenaran daripada agensi-agensi yang mengawal** walaupun ianya bagi tujuan peribadi atau persendirian. Sebagai contoh:

Barangan	Di bawah kawalan
<ul style="list-style-type: none">• Produk-produk makanan• Beras, gula dan garam• Tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan• Alat telekomunikasi• Produk ubat-ubatan dan kosmetik	<ul style="list-style-type: none">• Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA)• Jabatan Perbendaharaan• Jabatan Pertanian dan Agri-Makanan• Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi• Jabatan Perkhidmatan Farmasi




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT

KADAR CUKAI DAN TATACARA PEMBAYARAN DI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA (Sambungan)

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):

7



Bagi maklumat lanjut mengenai **barang-barang dikategorikan bercukai dan yang memerlukan permit atau kebenaran** daripada agensi yang berkaitan, orang ramai bolehlah melayari laman-laman sesawang atau media sosial berikut:

Laman sesawang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):

<https://bdnsw.mofe.gov.bn> dan <https://tradingcrossborders.mofe.gov.bn>

Laman sesawang Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE):

www.mofe.gov.bn

Akaun Instagram & Facebook:


Mofebrunei

Selain itu, orang ramai juga boleh menghubungi:

Unit Perkhidmatan Pelanggan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

Talian: 2382361 / 8323741

E-mel: info@customs.gov.bn






TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT


SARANAN KEPADA ORANG RAMAI UNTUK MELANCARKAN PERJALANAN

8

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK):




· Memastikan **passport/dokumen perjalanan dalam keadaan baik dan masih mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum mansuh** serta mempunyai ruang mukasurat kosong yang mencukupi untuk mengelakkan sebarang masalah dan kesulitan semasa membuat urusan perjalanan masuk dan keluar negeri.



Mengatur dan merancang perjalanan dengan sebaiknya dan mengambil perhatian terhadap **waktu beroperasi Pos-Pos Kawalan Imigresen**.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED):



Sebelum memulakan perjalanan merentas sempadan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk:

- Sentiasa **peka dengan perundangan dan peraturan-peraturan** yang berkuatkuasa pada masa ini;




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT

SARANAN KEPADA ORANG RAMAI UNTUK MELANCARKAN PERJALANAN (Sambungan)

9

- **Bijak mengatur perjalanan** dan memilih masa yang bersesuaian bagi mengelakkan kesesakan di pos-pos kawalan. Sila ambil perhatian terhadap **waktu operasi pos-pos kawalan darat & laut**.
- Mendapatkan **Pas Kod QR EES sebelum tiba di pos kawalan** dengan membuat permohonan dan pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) terlebih awal melalui laman sesawang EES: <http://login.bdnsw.gov.bn/ees>; dan
- **Memberikan kerjasama sepenuhnya** kepada pegawai-pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang bertugas semasa pemeriksaan dijalankan bersesuaian dengan peruntukan di bawah Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006.

Port Health, Kementerian Kesihatan (MOH):



Bagi individu-individu yang dipersyaratkan untuk mendapatkan insuran, mereka perlu memastikan bahawa mereka telah mendapatkan **Sijil Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum insuran sebanyak BND\$20,000)** sebelum membuat perjalanan masuk dan keluar Negara Brunei Darussalam.




TATACARA BAGI PARA PELAWAT SEBELUM MEMBUAT PERJALANAN MELALUI DARAT & LAUT

SARANAN KEPADA ORANG RAMAI UNTUK MELANCARKAN PERJALANAN

(Sambungan)

10

Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei (MPABD):



Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei (MPABD) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai jadual terkini **operasi feri penumpang bagi perjalanan dari Brunei Darussalam ke Wilayah Persekutuan Labuan dan dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Brunei Darussalam** seperti berikut:

Hari	Nama Kapal	Tiba	Bertolak	No. Talian
Setiap Hari Isnin, Rabu dan Jumaat	MV Joy Star	11.30 pagi	12.30 tengah hari	+673 8881335



Bagi tempahan tiket, orang ramai adalah dinasihatkan untuk berhubung terus dengan Syarikat Pengendali Feri sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum membuat pelayaran. Sebarang perubahan kepada jadual perjalanan tersebut di atas, orang ramai bolehlah merujuk kepada siaran akhbar / notis yang terkini daripada Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei (MPABD).